

Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang

(Zakat Management Systems in Malaysia: Analysis of Information Dissemination Strategy Through Website)

Mohd Faisol Ibrahim
(Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia)

ABSTRAK

Internet merupakan alat yang terpenting di era globalisasi ini. Internet ini penting bagi menyebarkan dan mengembangkan sesuatu maklumat khususnya berkaitan sistem zakat. Sebelum ini tidak ada teknologi berkaitan zakat yang dapat menyebarkan maklumat dengan begitu pantas dan menjimatkan masa serta tenaga. Oleh yang demikian penggunaan internet kini telah menjadi suatu kemahiran asas bukan sahaja kepada setiap individu yang sentiasa mencari maklumat tetapi juga kepada setiap institusi yang ingin melebarkan maklumat mengenai organisasi serta fungsi mereka menerusi laman sesawang masing-masing. Oleh itu artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai strategi yang digunakan oleh institusi-institusi zakat negeri di Malaysia bagi menyebarkan dan menyampaikan maklumat mengenai kewajipan berzakat menerusi laman sesawang. Selain itu artikel ini juga cuba menganalisis kesan pembangunan laman sesawang berkaitan zakat di Malaysia oleh institusi-institusi zakat yang menjadikan laman sesawang sebagai medium utama menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat.

Kata kunci: Zakat; internet; laman sesawang; maklumat zakat; enjin pencari

ABSTRACT

Internet is the most important tool in the era of globalization. Meanwhile the importance of internet is to disseminate and expand information related to zakat system. Until now, we do not have a technology system for zakat which can disseminate information so quickly that saves time and energy. As such, the use of internet has become a basic skill not only to the individual who is always looking for information but also to all institutions that want to spread information about the organization and their functions through their website. Therefore this article will examine more about the strategies used by the zakat state institutions in Malaysia to disseminate and communicate information about the duty of zakat through the website. In addition, this article attempts to analyze the impact of the development of zakat website in Malaysia by zakat institutions that make the website as the main medium to increase awareness among Muslims about zakat obligations.

Keywords: Zakat; internet; website; zakat information; search engine

PENGENALAN

Sistem pengurusan zakat di Malaysia telah mengalami perubahan yang besar apabila bank-bank yang terlibat dalam perbankan dan kewangan Islam ini turut memainkan peranan dalam aktiviti kutipan dan bayaran zakat selain institusi zakat itu sendiri (Mohd Faisol Ibrahim et al. 2005). Ini terbukti apabila sektor perbankan dan kewangan Islam ini membenarkan sistem bayaran zakat oleh pelanggan bank melalui perkhidmatan internet dan Financial Process Exchange (FPX) (Mohd Faisol Ibrahim & Suhaina Musani 2011) di bank-bank terpilih. Ini kerana internet kini merupakan alat yang penting bagi memenuhi keperluan hidup manusia di dunia tanpa sempadan. Sebelum ini tidak ada teknologi yang dapat menyebarkan maklumat dengan begitu pantas. Sebelum ini juga tidak ada penemuan yang membolehkan orang ramai membuat banyak perkara iaitu perkara yang secara strategiknya penting kepada kehidupan di dalam masyarakat bermaklumat. Oleh yang demikian penggunaan internet kini telah menjadi

satunya kemahiran asas bukan sahaja kepada setiap individu yang sentiasa mencari maklumat tetapi juga kepada setiap organisasi bagi memasarkan produk dan perkhidmatan menerusi laman sesawang masing-masing. Peluang ini seharusnya digunakan oleh institusi-institusi zakat negeri dengan menjalinkan kerjasama dengan bank-bank Islam yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan bayaran zakat kepada pelanggan mereka.

Di era global ini, masyarakat Islam tidak mempunyai pilihan selain menjadi pengguna teknologi terkini yang dicipta tanpa berasaskan falsafah ketuhanan, yang tidak mengambilkira konsep dan falsafah wahyu yang terkandung dalam buku manual operasi manusia iaitu Al-Quran (Mohd Nor & Siti Fatahiyah 2004). Ini penting bagi memastikan segala maklumat yang berkaitan ekonomi Islam khususnya berkaitan zakat dapat diperolehi dengan cepat dan mudah melalui internet. Selain itu, ini juga akan mendekatkan hubungan antara masyarakat dengan institusi-institusi zakat negeri dan secara tidak langsung ia akan meningkatkan syiar Islam itu sendiri khususnya

dari sudut ekonomi Islam. Sehubungan dengan itu sebagai masyarakat Islam kita harus bijak memilih laman sesawang yang menyediakan maklumat terkini dan benar sahaja dan bukan laman sesawang yang menyediakan maklumat yang kabur dan meragukan. Ini kerana dianggarkan sekitar 97% kandungan maklumat dalam internet adalah tidak relevan dengan Islam (Ziauddin Sardar 1995).

Senario yang berlaku ini jelas membuktikan bahawa internet merupakan medium yang terpenting bagi memasarkan maklumat kepada pelanggan secara pantas dan terkini. Oleh itu semua institusi-institusi zakat negeri perlu berlumba-lumba membangunkan laman sesawang masing-masing bagi tujuan menyebarkan dan menyampaikan maklumat berkaitan bayaran, kutipan dan agihan zakat kepada masyarakat Islam sekeliling.

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Urusan bermuamalat pada era dunia tanpa sempadan amat jauh berbeza jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini. Dengan kewujudan internet telah menjadikan aktiviti pengurusan perniagaan termasuk pengurusan zakat di Malaysia khususnya di institut zakat negeri semakin rancak. Kebanyakan organisasi yang terdiri daripada syarikat korporat, kecil dan sederhana mahupun institusi zakat itu sendiri telah melalui proses ledakan teknologi maklumat yang akhirnya telah mempengaruhi pengurusan organisasi mereka.

Kemunculan internet serta perkembangan dalam pemrosesan dan penyimpanan data pada tahun 1990-an telah banyak mengubah persekitaran dan kepentingan penggunaan teknologi maklumat (ICT) di kalangan institusi dan masyarakat. Kewujudan ICT telah menyumbang perubahan yang ketara dalam cara penyampaian dan penyebaran maklumat dan perkhidmatan di kalangan institusi kepada para pelanggan. Di samping itu, perkhidmatan atas talian akan memudahkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan atau maklumat dengan lebih cepat dan mudah. Malaysia telah memulakan beberapa langkah untuk memastikan teknologi maklumat (ICT) memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat dan memudahkan perkhidmatan kepada umum (Mohsin 2006; Sohaimi 2003).

E-Zakat adalah salah satu penyampaian perkhidmatan elektronik atas talian yang baharu diperkenalkan oleh pertubuhan-pertubuhan zakat bertujuan untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan zakat yang lebih baik kepada rakyat di Malaysia. E-Zakat akan menjadikan institusi zakat lebih cekap dan kos efektif, memudahkan perkhidmatan, membolehkan akses yang lebih meluas kepada maklumat zakat, dan membuat institusi zakat lebih bertanggungjawab kepada rakyat. Ini dapat dilihat apabila beberapa institusi zakat negeri di Malaysia telah membenarkan para pembayar zakat melakukan transaksi bayaran zakat secara atas talian. Sebagai contoh Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan Lembaga Zakat Selangor telah menggunakan transaksi pembayaran dan kutipan zakat secara atas talian ataupun on-line melalui

sistem e-zakat. Maklumat dan data peribadi pembayar zakat semuanya berada di dalam talian. Maka kehadiran internet ini mewujudkan persaingan baru di kalangan institusi zakat negeri bagi melaksanakan strategi baru yang mampu menarik lebih ramai masyarakat Islam untuk membayar zakat melalui perkhidmatan yang disediakan melalui teknologi maklumat.

Namun di sebalik kepesatan penggunaan sistem teknologi maklumat seperti laman sesawang dan perkhidmatan atas talian, adalah didapati maklumat dan perkhidmatan yang disediakan masih tidak seragam dan tidak mencapai kehendak para pelanggan pusat zakat itu sendiri. Sebagai contoh terdapat beberapa laman sesawang (i.e: Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan) yang menyatakan jumlah purata garis kemiskinan bagi zakat (Had Kifayah) dan terdapat sesetengah yang tidak menyatakan jumlah untuk purata garis kemiskinan bagi zakat di negeri tersebut. Sehubungan dengan itu, artikel ini mengkaji strategi yang digunakan oleh institusi zakat negeri menerusi laman sesawang untuk meningkatkan kualiti sistem pengurusan zakat negeri di samping implikasi pembangunan laman sesawang berkaitan zakat di Malaysia. Sehingga artikel ini ditulis, belum terdapat lagi kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang peranan, strategi dan kesan laman sesawang di dalam penyebaran maklumat mengenai zakat. Kajian berkaitan dengan penggunaan laman sesawang oleh institusi zakat adalah sesuatu yang baru dan signifikan, lebih-lebih lagi dunia sekarang berada di dalam era millennium dan ledakan teknologi maklumat yang tiada sempadan. Justeru itu, berapa laman sesawang terpilih yang menggunakan internet untuk menyebarkan maklumat berkaitan zakat akan dikupas dengan terperinci sebagai contoh.

SOROTAN LITERATUR

Shawal Kaslam (2009) mendapati bahawa e-Zakat telah muncul sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam mengintegrasikan aplikasi internet untuk membina sebuah institusi zakat yang berdaya saing dan moden. e-Zakat adalah media dalam talian yang digunakan untuk menyokong cara-cara organisasi zakat menyampaikan perkhidmatan, terutamanya dalam pengumpulan dan pengagihan dana zakat kepada penerima zakat. Md. Shahnur Azad et al. (2013) mendapati penggunaan aplikasi atas talian dapat mengurangkan masalah ketirisan atau kebocoran dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Aplikasi atas talian menyediakan pelbagai alternatif kepada pelanggan ketika berinteraksi dengan pegawai-pegawai awam. ICT juga adalah mekanisma yang secara tidak langsung mampu mengawal rasuah di setiap sektor (Bandsuch et al. 2008; Bhasin 2010; Cadbury 2000; Ionescu 2010) dengan memastikan proses institusi adalah telus terutamanya di peringkat transaksi, akses yang lebih mudah untuk rekod awam dan menyepadukan sistem untuk akauntabiliti yang lebih baik (Md Hairi Md Hussain et. al. 2012). Kepentingan elemen ketelusan dalam tadbir urus boleh dilihat melalui

penyataan seperti ketelusan adalah nadi kepada tadbir urus (Cadbury 2000). Elemen ini membolehkan pihak berkepentingan mengakses maklumat yang tepat bagi membantu mereka dalam pembuatan keputusan (Bandsuch et al. 2008). Ketelusan juga berupaya untuk mengurangkan maklumat asimetri dan kurang tepat kerana membenarkan semua orang mengakses maklumat yang sama (Chen, Chung, Lee & Liao 2007). Ini menjadikan ketelusan maklumat yang baik sebagai prasyarat untuk tadbir urus yang baik (Chiang 2005).

Terdapat pelbagai kajian lepas yang membincangkan sistem pengurusan zakat di Malaysia. Antaranya kajian berkaitan agihan wang zakat kepada golongan fakir dan miskin yang telah memberi impak kepada peningkatan taraf hidup mereka khususnya dalam bidang pendidikan (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor 2004). Pengagihan wang zakat di Malaysia melibatkan pelbagai kaedah dan kesemua kaedah tersebut mestilah mencapai tahap piawaian yang telah ditetapkan agar golongan yang menerima zakat akan memperoleh kualiti hidup yang lebih baik (Mohd Parid 2001). Selain itu agihan wang zakat ini juga merupakan alat yang mampu membangunkan ekonomi masyarakat Malaysia di mana agihan wang zakat ini mampu mengurangkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin (Patmawati Ibrahim 2008). Walaupun begitu, masyarakat Islam di Malaysia masih lagi kurang membayar zakat kerana mereka masih mempersoalkan proses agihan zakat serta di mana wang zakat ini diagihkan (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader 2009).

Selain itu terdapat juga kajian yang memfokus kepada penswastan pengurusan zakat di Malaysia. Penswastan kutipan zakat yang diamalkan di beberapa institusi zakat negeri telah menunjukkan peningkatan dalam jumlah kutipan zakat (Md Zyadi Tahir & Mariani 1999). Walaupun begitu, peningkatan kutipan zakat hasil daripada penswastan beberapa institusi zakat negeri masih lagi tidak signifikan kerana terdapat faktor lain yang juga mempengaruhi peningkatan kutipan (Md Nor et al. 2001). Sebagai contoh peranan institusi bank sebagai agen kutipan dalam aktiviti bayaran zakat di Selangor telah menyumbang kepada peningkatan hasil kutipan zakat di Lembaga Zakat Selangor (Mohd Faisal Ibrahim et al. 2005). Sebenarnya, keberkesanan kutipan dan agihan zakat amat bergantung kepada sistem pengurusan oleh institusi zakat itu sendiri (Hairunnizam Wahid et al. 2009).

Terdapat juga kajian berkaitan sistem pengurusan zakat di Malaysia yang hanya membincangkan teori dan konsep zakat di Malaysia (Tarimin 1995; Mek Wok Mahmud & Sayed Iskandar Shah Haneef 2008), perakaunan zakat (Abd. Ghafar Ismail & Nur Azura Sanusi 2003; Noraini Ali 2006; Nur Barizah Abu Bakar & Abdul Rahim Abdul Rahman 2007; Muhammad Akhyar Adnan & Nur Barizah Abu Bakar 2009), pengurusan institusi zakat (Nik Mustapha 1991; Norazlina Abd Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman 2012; Azman Ab Rahman,

Mohammad Haji Alias & Syed Mohd Najib Syed Omar 2012), kesedaran membayar zakat (Ahmad & Wahid 2005) dan juga kutipan zakat (Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad 2006).

Walaupun terdapat beberapa lagi artikel lain yang membincangkan tentang zakat, namun masih kurang kajian yang mengupas strategi penyebaran maklumat zakat melalui laman sesawang di Malaysia. Oleh itu keperluan kajian dan perbincangan tentang fungsi laman sesawang terhadap sistem zakat dianggap penting oleh penulis kerana peranan yang besar boleh dilaksanakan oleh teknologi maklumat di dalam penyebaran maklumat berkaitan zakat, pembangunan sistem zakat dan juga pengurusan zakat di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif di mana data dan maklumat diperolehi daripada perpustakaan, jurnal, buku dan juga laman sesawang institusi-institusi zakat di Malaysia serta laman sesawang lain berkaitan zakat atau *zakah*. Kajian ini menjadikan laman sesawang yang berkaitan zakat sebagai sumber data kajian kerana ia berkait rapat dengan penggunaan teknologi dalam pengurusan zakat di institusi zakat negeri khususnya dalam usaha menarik lebih ramai masyarakat Islam membayar zakat. Ini termasuk kaedah kutipan zakat, agihan zakat, kaedah pengiraan zakat, haul dan nisab, permasalahan berkaitan zakat dan pelbagai lagi maklumat berkaitan zakat.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

KAEDAH PENCARIAN LAMAN SESAWANG

Pada hari ini pencarian laman sesawang biasanya dengan menggunakan enjin pencari atau *search engine*. Pelbagai enjin pencari yang biasa digunakan, antaranya *google.com*, *msn.com*, *altavista.com*, *search.com*, dan *yahoo.com*. Untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan, pengguna hanya perlu menaipkan kata kunci pada ruangan yang telah disediakan. Perkataan yang digunakan kebiasaanya perkataan yang bersifat umum. Ini bagi memudahkan enjin pencari membuat carian bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Bagi pencarian maklumat yang berkaitan sistem pengurusan zakat, pengguna hanya perlu menaip kata kunci seperti zakat atau *zakah*. Apabila telah menaip kata kunci zakat atau *zakah*, pengguna perlu menunggu enjin pencari menyenaraikan laman sesawang-laman sesawang yang mempunyai kaitan dengan zakat atau *zakah*. Laman sesawang yang disenaraikan di bawah adalah laman sesawang yang terkini di mana pengguna boleh mendapatkan segala data dan maklumat terkini berkaitan zakat.


JADUAL 1. Pencarian maklumat berkaitan zakat menggunakan enjin pencari

Bil	Enjin pencari	Kata kunci	Tempat	Jumlah sesawang
1.	http://www.yahoo.com.my	Zakat	Malaysia	410 000
2.	http://www.yahoo.com.my	Zakat	Keseluruhan	2,210 000
3.	http://www.yahoo.com my	Zakah	Malaysia	1610
4.	http://www.yahoo.com my	Zakah	Keseluruhan	198 000
5.	http://www.google.com.my	Zakat	Malaysia	16,500 000
6.	http://www.google.com	Zakat	Keseluruhan	3,000 000
7.	http://www.google.com.my	Zakah	Malaysia	928,000
8.	http://www.google.com	Zakah	Keseluruhan	931, 000
9.	http://www.msn.com my	Zakat	Malaysia	327,000
10.	http://www.msn.com.my	Zakat	Keseluruhan	327, 000
11.	http://www.msn.com my	Zakah	Malaysia	55,800
12.	http://www.msn.com.my	Zakah	Keseluruhan	56,300
13.	http://www.altavista.com	Zakat	Malaysia	1,420 000
14.	http://www.altavista.com	Zakat	Keseluruhan	1,420 000
15.	http://www.altavista.com	Zakah	Malaysia	196 000
16.	http://www.altavista.com	Zakah	Keseluruhan	197 000
17.	http://www.search.com	Zakat	Malaysia	1,070 020
18.	http://www. search.com	Zakat	Keseluruhan	1,460 020
19.	http://www. search.com	Zakah	Malaysia	58,620
20.	http://www. search.com	Zakah	Keseluruhan	59,720
21.	http://www.gigablast.com	Zakat	Malaysia	117 739
22.	http://www.gigablast.com	Zakat	Keseluruhan	274
23.	http://www.gigablast.com	Zakah	Malaysia	17 505
24.	http://www.gigablast.com	Zakah	Keseluruhan	167

Jadual 1 di atas menunjukkan beberapa laman sesawang yang boleh digunakan oleh pengguna untuk mendapatkan data serta maklumat yang dikehendaki. Ianya menyenaraikan sejumlah laman sesawang yang disenaraikan oleh enjin pencari berkaitan zakat dan *zakah* pada 12 Disember 2012. Maklumat yang diperolehi ini adalah daripada Malaysia dan juga luar negara Malaysia.

Hasil pencarian ini menunjukkan penggunaan enjin pencari yang berbeza akan menghasilkan jumlah dan


maklumat pencarian yang berbeza. Hal ini berlaku kerana bilangan laman sesawang bergantung kepada jumlah laman sesawang yang mendaftar dengan enjin pencari tersebut. Sebagai contoh, pengguna menggunakan enjin pencari *google* bagi mendapatkan maklumat berkaitan zakat. Penggunaan kata kunci zakat, *google.com.my* menyenaraikan sejumlah 18, 000 000 laman sesawang zakat di Malaysia. Ini dapat dilihat daripada Rajah 1 di bawah.

RAJAH 1. Penggunaan kata kunci zakat menggunakan *google.com.my*

Sumber: <http://google.com.my>

Bagi penggunaan kata kunci *zakah*, *google.com.my* menyenaraikan sejumlah 882 000 laman sesawang zakat di Malaysia. Pencarian jumlah laman sesawang zakat

ini mengambil masa hanya 0.21 saat. Ini dapat dilihat daripada Rajah 2 di bawah.



RAJAH 2. Penggunaan kata kunci *zakah* menggunakan *google.com.my*
Sumber: <http://google.com.my>

Berdasarkan Rajah 1 dan 2 di atas jelas menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan maklumat yang diperolehi berkaitan *zakah* dalam bahasa Inggeris sama ada di Malaysia atau pun di luar negara berbanding penggunaan kata kunci zakat itu sendiri. Hal ini membuktikan bahawa perbezaan bahasa dalam kata kunci di sini akan mewujudkan perbezaan dalam jumlah pencarian yang ingin diperolehi. Selain itu jika dilihat dari jenama institusi zakat-zakat negeri di Malaysia, hanya Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) sahaja yang tersenarai awal di enjin pencarian di atas. Penyenaraian kedua-dua institusi zakat negeri tersebut hanya merujuk penggunaan bahasa Melayu. Sebaliknya jika menggunakan bahasa Inggeris, ternyata tidak ada satu pun laman sesawang institusi zakat negeri yang tersenarai di kalangan tiga alamat utama berkaitan zakah seperti mana contoh di atas.

Justeru itu, ini membuktikan bahawa laman sesawang institusi zakat negeri-negeri di Malaysia perlu mengambil langkah proaktif dan drastik bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian ekonomi Islam agar perekonomian sistem zakat dapat disebarkan secara meluas dan pantas dalam konteks pencarian bahasa inggeris. Ini kerana mereka perlu sedar bahawa di Malaysia orang Islam bukan sahaja terdiri daripada bangsa Melayu, tetapi juga bangsa Cina, India, dan juga bangsa-bangsa lain seperti bangsa Arab, dan Eropah yang menetap dan bekerja di Malaysia.

KATEGORI INSTITUSI YANG MEMPUNYAI KAITAN DENGAN LAMAN SESAWANG ZAKAT

Berikut adalah sebahagian daripada laman sesawang zakat ataupun *zakah* yang dibahagikan kepada laman sesawang yang dibangunkan oleh institusi-institusi zakat negeri-negeri, bank-bank, universiti-universti, jabatan agama dan orang perseorangan.

Berdasarkan data di atas, jelas menunjukkan bahawa semua institusi zakat negeri di Malaysia mempunyai alamat sesawang masing-masing. Ini memberikan satu gambaran yang sangat jelas bahawa sistem zakat di Malaysia mula disebarkan secara proaktif melalui laman sesawang di samping penyebaran secara manual. Selain itu hampir semua institusi perbankan Islam menawarkan perkhidmatan kutipan zakat bagi membantu institusi zakat negeri meningkatkan kutipan zakat mereka. Bagi kategori universiti, hanya lima universiti di Malaysia yang merangkumi IPTA dan IPTS yang begitu aktif dalam menyampaikan dakwah berkaitan zakat. Kelima-lima IPT ini mempunyai unit ataupun jabatan zakat yang berpusat di universiti bagi menyediakan perkhidmatan kutipan dan agihan zakat kepada para pelajar dan juga kaki tangan. Untuk kategori individu, tidak ramai orang Islam yang menyumbang ke arah menyebarkan kesedaran membayar zakat. Misalnya Hamizul Abdul Hamid telah membangunkan laman sesawang sendiri yang menfokus kepada zakat sahaja. Perbincangan zakat di laman sesawang beliau begitu komprehensif di mana pelbagai info disediakan kepada para pembaca iaitu bermula dengan

JADUAL 2. Kategori institusi yang mempunyai kaitan dengan laman sesawang zakat

Bil	Nama	URL
	LEMBAGA/PUSAT/ JABATAN	ZAKAT NEGERI
1.	Lembaga Zakat Selangor	http://www.e-zakat.com.my
2.	Pusat Pungutan Zakat W. Persekutuan	http://www.zakat.com.my
3.	Institusi-institusi zakat Negeri Sembilan	http://www.zakatns.com.my
4.	Jabatan Zakat Negeri Kedah	http://www.zakatkedah.com
5.	Institusi-institusi zakat Sabah	http://www.zakat.sabah.gov.my
6.	Pusat Kutipan Zakat Pahang	http://www.zakatpahang.com
7.	Baitulmal Negeri Perlis	http://www.perlis.gov.my
8.	Institusi-institusi zakat Melaka	http://www.izakat.com
9.	Pusat Urus Zakat P.Pinang	http://www.zakatpenang.com
10.	Tabung Baitulmal Majlis Agama Sarawak	http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my
11.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	http://www.maiamp.gov.my
12.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	http://www.e-maik.my
13.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	http://www.maij.gov.my
	BANK	
14.	Bank Islam Malaysia Berhad	http://www.bankislam.com.my/
15.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	http://www.muamalat.com
16.	Cimb Islamic Bank	http://www.cimb.com.my/
17.	Maybank Islamic Berhad	http://www.maybank2u.com.my/
18.	Ambank Group	http://www.ambg.com.my
19.	EONCAP Islamic Bank	http://www.eonbank.com.my
20.	RHB Bank	http://www.rhb.com.my
21.	Public Bank	http://www.pbekbank.com
22.	Standard Chatered bank	http://www.standardchartered.com.my
23.	Affin bank	http://www.affinbank.com.my/
24.	HSBC bank	http://www.hlb.com.my
25.	OCBC bank	http://www.ocbc.com.my/
26.	Hong Leong bank	http://www.hlb.com.my
27.	BSN	http://www.mybsn.com.my/
28.	Agro bank	http://www.agrobank.com.my/
29.	Bank Rakyat	https://www.irakyat.com.my
	UNIVERSITI	
30.	Universiti Putra Malaysia	http://www.hep.upm.edu.my
31.	Universiti Kebangsaan Malaysia	http://pkukmweb.ukm.my
32.	Universiti Teknologi MARA	http://ikaz.uitm.edu.my
33.	Universiti Teknologi Malaysia	http://web.utm.my/islamic-centre
35.	UNITEN	http://www.uniten.edu.my
	INDIVIDU	
36.	Ust Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman	http://www.zaharuddin.net
37.	Ust Hamizul Abdul Hamid	http://www.hamizul.com/
	JABATAN AGAMA /KERAJAAN	
38.	Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR)	http://www.jawhar.gov.my/
39.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)	http://www.yapeim.net.my/
40.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	http://www.islam.gov.my/

fiqh zakat, persoalan zakat, zakat kontemporari, pengiraan zakat, isu berkaitan zakat dan pelbagai lagi. Bagi kategori jabatan agama Islam di Malaysia, hanya tiga institusi yang begitu aktif di dalam meningkatkan kesedaran masyarakat Islam di Malaysia agar menunaikan kewajipan berzakat

iaitu JAWHAR, YAPEIM dan JAKIM itu sendiri. Pelbagai ilmu berkaitan zakat disediakan seperti fatwa berkaitan jenis-jenis zakat, pengiraan zakat, data berkaitan zakat, makalah zakat dan pelbagai lagi.

KEBERKESANAN PENYEBARAN MAKLUMAT ZAKAT
MENERUSI LAMAN SESAWANG

Berikut merupakan laman sesawang yang paling mudah dicapai menggunakan enjin pencarian *google.com.my*

dengan menggunakan kata kunci zakat. Laman sesawang tersebut berada di kedudukan 10 teratas daripada ratusan ribu laman sesawang lain yang berkaitan.

JADUAL 3. Keberkesanan penyebaran maklumat zakat menerusi laman sesawang

Bil	URL	Pemilik
1.	http://zakat.com.my	Pusat Pungutan Zakat Wilayah
2.	http://www.e-zakat.com.my	Lembaga Zakat Selangor
3.	ms.wikipedia.org/wiki/Zakat	Wikipedia, ensiklopedia bebas
4.	en.wikipedia.org/wiki/Zakāt	Wikipedia, the free encyclopedia
5.	http://www.zakatkedah.com	Jabatan Zakat Negeri Kedah
6.	http://www.izakat.com/kalkulator	Institusi-institusi zakat Melaka
7.	http://www.izakat.com/	Institusi-institusi zakat Melaka
8.	www.zakat.sabah.gov.my/	Institusi-institusi zakat Sabah
9.	https://zakatsel.com.my/ezakatpay/	Lembaga Zakat Selangor
10.	www.zakatpahang.my	Institusi-institusi zakat Pahang
11.	www.majj.gov.my	Institusi-institusi zakat Johor
12.	www.zakatns.com.my/	Institusi-institusi zakat Negeri sembilan
13.	www.jawhar.gov.my	JAWHAR
14.	www.e-maik.my	Majlis Agama Islam Kelantan

Senarai URL di atas menjelaskan bahawa, walaupun Malaysia mempunyai 13 institusi yang menjalankan urusan zakat, hanya 9 institusi zakat sahaja yang tersenarai awal daripada ratusan ribu laman sesawang lain yang berkaitan zakat iaitu institusi zakat di Wilayah Persekutuan, Selangor, Kedah, Melaka, Sabah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Kelantan. Selain itu, tiga institusi zakat negeri yang belum lagi dikorporatkan berjaya berada di kedudukan 15 laman sesawang utama berkaitan zakat iaitu Kedah, Johor dan Kelantan. Di

samping itu juga, laman sesawang institusi zakat Kedah berjaya berada di kedudukan lebih tinggi berbanding dengan laman sesawang institusi zakat yang dikorporatkan seperti Melaka, Sabah, Pahang dan Negeri Sembilan. Ini membuktikan bahawa laman sesawang institusi zakat di Kedah menyediakan ruangan zakat yang komprehensif sepertimana PPZ dan LZS.

Bagi kata kunci *zakah* pula, laman sesawang yang berada pada 10 teratas apabila pencarian dilakukan dengan menggunakan enjin pencari *google.com.my* adalah:

JADUAL 4. Laman sesawang yang berada 10 teratas apabila pencarian dilakukan dengan menggunakan enjin pencari google

Bil	URL	Pemilik
1.	en.wikipedia.org/wiki/Zakāt -	Wikipedia, the free encyclopedia
2.	www.islam101.com	American Trust Publications
3.	uwt.org/site/article.asp?id=172	Ummah Welfare Trust
4.	www.tamilislam.com/.../zakah_sadaqah.htm	Islam Online
5.	www.mkjournal.org/.../the-basics-of-zakah	Muslim Kids' Journal
6.	http://monzer.kahf.com/papers/english/Zakah	Monzer Kahf
7.	monzer.kahf.com/books/english/fiqhalzakah_vol1.pdf	Monzer Kahf
8.	www.irusa.org/campaigns/zakah/	Islamic Relief USA
9.	islamiclearningmaterials.com/zakah/ -	Abu-Ibo LLC
10.	www.islamicaid.com/.../za... - United Kingdom -	Islamic Aid UK

Statistik URL di atas menjelaskan bahawa, tidak terdapat satu pun laman sesawang daripada institusi-institusi zakat negeri di Malaysia berada di dalam senarai 10 teratas. Sebaliknya laman sesawang yang berada di senarai 10 teratas terdiri daripada institusi Islam dan

individu yang bukan berasal dari Malaysia. Ketiadaan satu pun laman sesawang institusi zakat yang dikorporatkan di Malaysia di dalam senarai 10 laman sesawang utama berkaitan zakat adalah mendukacitakan. Begitu juga ketiadaan satu pun laman sesawang jabatan agama Islam

berkaitan zakat di dalam senarai 10 laman sesawang utama. Walaupun dunia mengetahui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang mempunyai landskap perbankan dan kewangan Islam terbaik di dunia, tetapi dalam hal ekonomi Islam khususnya zakat ternyata ianya masih jauh ketinggalan sehinggakan tidak wujud satupun laman sesawang daripada institusi-institusi zakat negeri ataupun jabatan agama Islam di Malaysia tersenarai di dalam senarai 10 laman sesawang utama. Sebaliknya dunia lebih mengenali negara Amerika Syarikat dan Britain yang mengamalkan sistem ekonomi konvensional berbanding Malaysia dalam konteks maklumat zakat. Sehubungan dengan itu, sesuatu harus dilakukan oleh institusi zakat

negeri dan jabatan agama Islam di Malaysia agar perkara ini dapat ditangani segera.

ULASAN LAMAN SESAWANG TERPILIH

Bagi memberi penjelasan dan gambaran yang jelas tentang laman sesawang zakat, berikut adalah ulasan terperinci bagi laman sesawang tertentu.

Lembaga Zakat Selangor (Kategori Institusi-Institusi Zakat Negeri) Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan salah satu laman sesawang yang mempunyai pendekatan mesra pelanggan dan menyediakan maklumat yang padat serta terkini. Ini dapat dilihat daripada maklumat di dalam Rajah 3 di bawah.



RAJAH 3. Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor

Sumber: <http://www.e-zakat.com.my/>


Di dalam laman sesawang tersebut segala maklumat berkaitan berita terkini mengenai zakat, sejarah LZS dan misinya, kaunter LZS di seluruh Selangor, persoalan mengenai zakat, majalah asnaf dan sebagainya lagi. Selain itu, laman sesawang ini juga memaparkan maklumat berkaitan pembayaran zakat secara atas talian menerusi bank-bank tertentu dan sebagainya. Di samping itu juga, laman sesawang ini memberi maklumat tambahan kepada pelanggannya berkaitan nisab semasa zakat, statistik kutipan dan agihan serta tawaran-tawaran biasiswa zakat untuk golongan yang memerlukan. Penerangan yang terperinci ini membolehkan para pelanggan memahami zakat dengan lebih mendalam dan ini seterusnya menarik pelanggan dan menyedarkan pelanggan dan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat.

Bank Muamalat (Kategori Bank) Bank Muamalat merupakan bank Islam kedua ditubuhkan di Malaysia selepas Bank Islam Malaysia Berhad. Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank ini ialah perkhidmatan pembayaran zakat. Melalui perkhidmatan pembayaran zakat, para pelanggannya juga dapat memperoleh maklumat mengenai zakat, jenis-jenis zakat dan juga maklumat mengenai zakat di LZS. Selain itu melalui laman sesawang ini juga disenaraikan institusi-institusi

zakat negeri yang menjalinkan kerjasama dengan Bank Muamalat bagi kemudahan pembayaran zakat di kaunter Bank Muamalat.


UPM (Kategori Universiti-IPTA) Laman sesawang ini merupakan salah satu laman sesawang yang berkaitan langsung dengan zakat. Ia dibangunkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM. Laman sesawang ini menyediakan pelbagai maklumat dan info terkini tentang pelaksanaan zakat di UPM. Ini digambarkan seperti di atas di mana laman sesawang ini menyediakan info terkini tentang zakat dan sejarah Tabung Amanah Zakat UPM. Selain itu, laman sesawang ini juga menyediakan maklumat tentang syarat-syarat permohonan biasiswa TAZUPM bagi pelajar atau kakitangan yang berminat memohon bantuan. Melalui laman ini, para pelajar dan kakitangan UPM yang beragama Islam boleh memohon bantuan zakat secara atas talian. Oleh yang demikian, laman sesawang ini dianggap begitu penting bagi pelajar dan kaki tangan yang ingin mendapatkan info mengenai zakat di UPM.

UNITEN (Kategori Universiti-IPTS) Laman sesawang ini juga merupakan salah satu laman sesawang yang berkait secara langsung dengan zakat. Laman sesawang ini dibangunkan oleh Tabung Amanah Zakat Uniten. Laman sesawang ini menyediakan pelbagai maklumat dan



RAJAH 4. Laman sesawang Bank Muamalat

Sumber: <http://www.muamalat.com.my/consumer-banking/other-services/zakat.html>



RAJAH 5. Laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

Sumber: <http://www.hep.upm.edu.my/>

info terkini tentang pelaksanaan zakat di Uniten. Laman sesawang ini menyediakan maklumat sejarah kewujudan Tabung Zakat Uniten, proses pungutan zakat, proses agihan zakat, dokumen berkaitan zakat Uniten dan pelbagai topik lagi. Melalui laman ini juga, para pelajar dan kakitangan Islam boleh memohon bantuan zakat secara atas talian. Oleh yang demikian laman sesawang ini dianggap

begitu penting bagi pelajar dan kaki tangan yang ingin mendapatkan info mengenai zakat di Uniten. Walaupun Uniten merupakan sebuah universiti swasta, peranan yang dimainkan oleh pengurusan universiti ini sehingga tubuhnya tabung amanah zakat merupakan sesuatu yang perlu diberi penghargaan. Ini terbukti apabila Tabung Amanah Zakat diletakkan di laman utama web Uniten.



RAJAH 6. Laman sesawang Tabung Amanah Zakat UNITEN

Sumber: <http://www.uniten.edu.my/tazu/Pages/Unit-Zakat-UNITEN.aspx>

Ustaz Hamizul Abdul Hamid (Perseorangan) Secara keseluruhannya tidak banyak laman sesawang berkaitan zakat dibangunkan oleh orang perseorangan atau individu. Laman sesawang di atas adalah milik Ustaz Hamizul Abdul Hamid. Beliau merupakan seorang penceramah bebas, eksekutif tinggi di Lembaga Zakat Selangor dan pembaca khutbah jumaat di sekitar negeri Selangor. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang penulis buku dan pernah memenangi Anugerah Buku Terlaris terbitan Karangraf Sdn. Bhd. yang bertajuk “Zakat Terapi Kekayaan.” Walaupun laman sesawang beliau amat ringkas

tetapi laman ini menyediakan pelbagai maklumat penting seperti fiqh zakat, jenis-jenis zakat, kursus-kursus, buku-buku, artikel, kertas kerja, dan seminar zakat. Selain itu laman sesawang ini juga menyediakan ruangan soal jawab yang berkisar tentang zakat. Melalui pendekatan sebegini, para pengguna mendapat pengetahuan tentang persoalan hukum yang berkaitan dengan zakat secara cepat dan mudah. Di era dunia tanpa sempadan ini, laman sesawang sebegini amat diperlukan bagi tujuan perkongsian ilmu Islam secara pintar dengan memanfaatkan teknologi yang semakin canggih.



RAJAH 7. Laman sesawang Ustaz Hamizul Abdul Hamid

Sumber: <http://www.hamizul.com/>

STRATEGI PENYEBARAN MAKLUMAT OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada penerangan di atas mengenai beberapa laman sesawang pusat zakat di Malaysia, dapat dikenalpasti beberapa strategi penyebaran maklumat dan kandungan yang penting dalam laman web berkenaan. Item-item tersebut adalah:

1. Aktiviti terkini dan maklumat mengenai pusat zakat.
2. Maklumat mengenai kaunter atau cawangan pusat zakat di peringkat daerah atau mukim.
3. Persoalan mengenai zakat, pembayaran (pengiraan Had Kifayah), permohonan (baru dan berulang) dan lain-lain.
4. Perkhidmatan pembayaran zakat secara dalam talian.
5. Maklumat tambahan kepada pelanggannya berkaitan nisab semasa zakat, statistik kutipan dan agihan serta tawaran-tawaran biasiswa zakat untuk golongan yang memerlukan.

KESAN PEMBANGUNAN LAMAN SESAWANG TERHADAP PEJABAT ZAKAT

Kemunculan internet telah menghasilkan peluang yang besar untuk pembangunan pusat zakat. Pertumbuhan

dan kadar inovasi pusat zakat akan lebih cepat dengan penggunaan teknologi maklumat. Menyediakan perkhidmatan melalui laman web atau saluran digital yang lain sangat memberi manfaat kepada para asnaf dan pusat zakat itu sendiri. Pembangunan e-zakat telah menyumbang kesan ketara ke atas prestasi organisasi zakat di Malaysia yang boleh dianalisis dalam beberapa aspek seperti:

1. Meningkatkan kutipan zakat – Pembayaran zakat dalam talian telah menarik ramai rakyat untuk membayar zakat melalui kiosk internet.
2. Meningkatkan penyebaran maklumat – Banyak maklumat zakat yang boleh diterbitkan dan boleh diakses oleh semua.
3. Meningkatkan penyertaan awam – Mana-mana individu mempunyai peluang langsung untuk berinteraksi dengan organisasi zakat melalui e-mel.
4. Meningkatkan ketelusan organisasi – Organisasi zakat menggunakan media ini untuk memberitahu orang ramai tentang operasi perniagaan.
5. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan – Lebih banyak perkhidmatan boleh ditambah melalui laman web.
6. Sebagai platform komunikasi global dan rangkaian – Maklumat dapat dikongsi di seluruh dunia.

Aspek yang paling penting dalam zakat dalam talian atau e-Zakat ialah ianya telah meningkatkan penyertaan

rakyat dalam zakat, meningkatkan ketelusan organisasi, integriti, akauntabiliti dan meluaskan rangkaian global organisasi zakat di seluruh rantau ini dan seluruh negara-negara di seluruh dunia. Pelaksanaan e-zakat mempunyai kesan ketara ke atas cara sesebuah institusi zakat beroperasi dan menyampaikan perkhidmatan kepada para pelanggannya.

KESIMPULAN

Melalui penggunaan ICT sebagai satu alat komunikasi dan informasi yang semakin meluas, ia telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan maklumat dan mempromosikan perkhidmatan zakat ini melalui laman sesawang. Selain itu ia juga berperanan besar dalam memastikan informasi terkini yang berkaitan dengan zakat dapat disalurkan dengan cepat dan pantas tanpa sempadan. Ini kerana dengan penggunaan laman sesawang, para pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dengan tepat dan cepat di mana sahaja mereka berada apatah lagi pengguna kini telah didedahkan dengan fungsi *streamyx*, *broadband* dan *wifi*. Rentetan itu pembayaran zakat juga boleh dilakukan secara jarak jauh atau pun atas talian melalui laman sesawang.

Sungguhpun demikian, masih terdapat kepincangan dan kekurangan dari sudut laman sesawang dalam bahasa Inggeris mengenai zakat ataupun *zakah* berdasarkan carian menggunakan enjin pencari tertentu berbanding laman sesawang dalam bahasa Melayu. Namun, informasi terkini berkaitan zakat masih dapat disalurkan dengan tepat dan padat kepada masyarakat umum. Oleh itu sifat kekurangan ini perlu diatasi segera dengan mewujudkan dan memperbanyakkan kepakaran dan kemahiran individu tertentu yang berkebolehan menubuhkan laman sesawang dalam bahasa Inggeris dengan menyediakan informasi zakat yang lengkap dan terkini.

Jika permasalahan ini dapat diatasi sudah pasti segala maklumat berkaitan zakat dapat disalurkan bukan sahaja di Malaysia bahkan juga keseluruh dunia. Pembayar zakat tidak perlu lagi beratur panjang untuk membayar zakat dan mengambil masa yang lama untuk membayar zakat. Ini kerana terdapat pelbagai kaedah yang memudahkan cara membayar zakat. Selain itu mereka juga akan lebih prihatin tentang kewajipan membayar zakat. Sementara itu, kemungkinan Malaysia juga akan menerima pembayar zakat daripada luar negara jika sistem pengurusan zakat di Malaysia ini dapat dipertingkatkan dan diselaraskan khususnya melalui laman sesawang zakat ini.

Pembangunan laman sesawang zakat yang mempunyai maklumat yang berkualiti mampu memberi kesan kepada pengguna internet yang terdiri daripada syarikat, bank, orang perseorangan, institusi, persatuan, badan berkanun dan sebagainya lagi kerana dapat mengakses maklumat berkaitan zakat dengan mudah seperti <http://www.e-zakat.com>. Maka, kesibukan dan tempat yang jauh bukan lagi alasan untuk tidak membayar zakat. Internet dan laman sesawang kini telah banyak membuka ruang kepada

perkongsian pintar antara organisasi bagi melaksanakan tanggungjawab berkaitan zakat dan juga ilmu pengetahuan dalam apa jua bidang yang ingin dipelopori. Kebanyakan sistem bayaran zakat pada hari ini, telah menyediakan perkhidmatan secara atas talian bagi manfaat pengguna. Justeru, segala urusan seperti pembayaran, pendaftaran, pertanyaan serta segala urusan berkaitan zakat dapat dilakukan melalui atas talian dengan mudah dan cepat.

RUJUKAN

- Abd. Ghafar Ismail & Nur Azura Sanusi. 2003. Zakah, tax and financing choices: A discriminant analysis of selected syariah firm in Malaysia. *Proceedings of the Malaysian Finance Association's 5th Annual Symposium*, 23-24 April. Multimedia University
- Ahmad, S. & Wahid, H. 2005. Penerimaan dan tanggapan masyarakat terhadap sumber harta zakat harta yang diikhtilaf. *Islamiyyat* 27(1): 45-65.
- Azman Ab Rahman, Mohammad Haji Alias & Syed Mohd Najib Syed Omar. 2012. Zakat institution in Malaysia: Problems and issues. *GJAT* 2(1): 1-7.
- Bandsuch, M., Pate, L. & Thies, J. 2008. Rebuilding stakeholder trust in business: An examination of principle-centered leadership and organizational transparency in corporate governance. *Business & Society Review* 113(1): 99-127.
- Bhasin, M.L. 2010. Dharma, corporate governance and transparency: An overview of the Asian markets. *International Journal of Business & Management* 5(6): 56-73.
- Chen, W.-P., Chung, H., Lee, C. & Liao, W.-L. 2007. Corporate governance and equity liquidity: Analysis of S&P transparency and disclosure rankings. *Corporate Governance* 15(4): 644-660.
- Cadbury, A. 2000. The corporate governance agenda. *Corporate Governance* 8(1): 7-15.
- Chiang, H.-t. 2005. An empirical study of corporate governance and corporate performance. *The Journal of American Academy of Business* 6(1): 95-101.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2004. Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. Dlm. *Kertas Kerja Prosiding Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur: KUIM.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?, *Jurnal Syariah* 17(1): 89-112.
- <http://www.bnm.gov.my>
- <http://www.e-fatwa.gov.my/>
- <http://www.e-maik.my>
- <http://www.e-zakat.com.my>
- <http://www.izakat.com>
- <http://www.maiamp.gov.my>
- <http://www.maidam.gov.my>
- <http://www.maij.gov.my>
- <http://www.perlis.gov.my>
- <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my>
- <http://www.zakat.com.my>
- <http://www.zakat.sabah.gov.my>
- <http://www.zakatkedah.com>
- <http://www.zakatns.com.my>
- <http://www.zakatpahang.com>
- <http://www.zakatpenang.com>

- Ionescu, L. 2010. Effective corporate governance and financial market transparency. *Economics, Management & Financial Markets* 5(2): 285-290.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2001. *Panduan Zakat Di Malaysia*. K. Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid. 1999. Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Dlm. *Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia*. Bangi: Fakulti Ekonomi, Universiti, Kebangsaan Malaysia.
- Md. Shahnur Azad Chowdhury, Md Musa Khan & Ms Sultana Akter. 2013. Corruption in Islamic perspective and the roles of Information and Communication Technology (ICT) to control it. *Journal of Islamic Management and Business* 5(11): 36-43.
- Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef. 2008. Debatable issues in *Fiqh Al-Zakat*: A jurisprudential appraisal. *Jurnal Fiqh* 5: 117-141
- Mohd Faisal Ibrahim & Suhaina Musani. 2011. *Zakat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Faisal Ibrahim, Mohd Yahya Mohd Hussein & Suhaina Musani. 2005. Peranan institusi bank sebagai agen kutipan dalam aktiviti bayaran zakat: Kajian ke atas Pusat Zakat Selangor. Dlm. *Kertas Kerja Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam*, 29-30 Ogos. Selangor: ESSET Bangi.
- Mohd Nor Mamat & Siti Fatahiyah Mahamood. 2004. Konsep pendidikan dan perundangan integratif sebagai solusi penjanaan etika hadhari menghadapi impak ICT. *Persidangan Kebangsaan Sains, Teknologi dan Masyarakat*, 10-11 Disember. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Parid Syeikh Ahmad. 2001. Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif Islam. Dlm. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, disunting oleh Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: IKIM.
- Md Hairi Md Hussain, Kamil Md. Idris & Ram Al Jaffri Saad. 2012. Ketelusan di dalam tadbir urus institusi zakat. *Seminar Isi-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*, 25-27 November. Universiti Utara Malaysia.
- Mohsin Hj. Ahmad. 2006. Implementation of electronic government in Malaysia: The status and potential for better service to public. *Public Sector ICT Management Review* 1(1): 2-10.
- Muhammad Akhyar Adnan & Nur Barizah Abu Bakar. 2009. Accounting treatment for corporate zakat: A critical review. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 2(1): 32-45.
- Nik Mustapha, N.H. 1991. Zakat in Malaysia: Present and future status. Dlm. *Development and Finance in Islam*, disunting oleh N.M.N. Hassan. IIU Press.
- Noraini Ali. 2006. Analisis perakaunan zakat di Malaysia. *Jurnal Syariah* 14(2): 35-47.
- Norazlina Abd Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman. 2012. Efficiency of zakat institutions in Malaysia: An application of data development analysis. *Journal of Economics Cooperations and Development* 33(1): 95-112.
- Nur Barizah Abu Bakar & Abdul Rahim Abdul Rahman. 2007. A comparative study of zakah and modern taxation. *Journal King Abdul Aziz University: Islamic Econ* 20(1): 25-40.
- Patmawati Ibrahim. 2008. Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah* 16(2): 223-244.
- Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan. 2007. *Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai Ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah*. PWTC, Kuala Lumpur.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. 2006. *Laporan Zakat*. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. Pensewastaaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13(2): 179.
- Shawal Kaslam. 2009. *The Advancement of e-Zakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia*. Paper prepared for presentation at the World Zakat Forum organized by BAZNAS, 27-30 Mei, University Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia.
- Sohaimi Md Salleh. 2003. *The Multimedia Super Corridor (MSC) and E-Government Initiatives in Malaysia*. Paper presented at the Third ITU Waseda University Workshop for Regulators and Policy Makers held in conjunction with the World Summit on E- Government organized by GITI, 27-30 October, Waseda University, Tokyo.
- Tarimin, Mujaini. 1995. *Zakat pertanian: Sistem dan pelaksanaannya di Malaysia dengan rujukan khas kepada mukim Tanjung Karang, Selangor*. Tesis PhD tidak terbit, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Ziauddin Sardar. 1995. *Strategi Dunia Islam Abad ke 21 (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Faisal Ibrahim
Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
E-Mel: faisol@usim.edu.my